



23 Februari 2018
23 February 2018
P.U. (A) 54

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENGEQUALIAN) 2018

FINANCIAL SERVICES (EXEMPTION) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENGECUALIAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Menteri, atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Pengecualian) 2018**.

Pengecualian daripada subseksyen 137(1) dan 138(1) Akta

2. Development Bank of Sarawak Berhad, suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], dikecualikan daripada pemakaian subseksyen 137(1) dan 138(1) Akta tertakluk kepada syarat bahawa Development Bank of Sarawak Berhad—

- (a) hendaklah hanya menyetuju terima deposit daripada perbadanan yang dikawal oleh Kerajaan Negeri Sarawak;
- (b) hendaklah hanya menerbitkan, atau selainnya memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan, iklan berhubung dengan penyetujuterimaan deposit kepada perbadanan yang dikawal oleh Kerajaan Negeri Sarawak;
- (c) hendaklah mematuhi semua kehendak dan sekatan yang ditentukan oleh Bank berhubung dengan penyetujuterimaan deposit atau penerbitan apa-apa iklan berhubung dengan penyetujuterimaan deposit, termasuk mengambil apa-apa langkah untuk memperbetulkan keadaan jika Bank berpendapat bahawa Development Bank of Sarawak Berhad—
 - (i) menyetuju terima deposit mengikut cara yang memudaratkan kepentingan pendeposit atau orang awam; atau